

CNS8205

R GB 07-09 00166 BA807

bah

BTN BUKAN ALAT POLITIK SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH PEMBANGKANG

Mahathir - Biro

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Biro Tata Negara (BTN) ditubuhkan untuk memberi kesedaran kepada pelbagai sektor masyarakat, bukannya menjaga kepentingan politik sesuatu pihak, sebagaimana yang didakwa oleh pembangkang.

Perdana Menteri berkata BTN diwujudkan khususnya untuk memberi penerangan mengenai dasar-dasar kerajaan seperti Wawasan 2020 dan untuk menjelaskan peranan ahli politik, pegawai kerajaan dan pihak swasta dalam pelaksanaan dasar-dasar itu.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar mengenai kenyataan beberapa orang pemimpin Semangat 46 dan DAP yang mendakwa BTN akhir-akhir ini digunakan untuk menjaga kepentingan pemimpin tertentu.

+Sebenarnya, semasa (pemimpin) Semangat 46 duduk (menggagotai) UMNO dulu, mereka memang buat kerja itu (menggunakan BTN untuk kepentingan mereka).

+Tetapi sejak daripada itu (mereka keluar dari UMNO) kita telah berhenti berbuat demikian,+ kata beliau pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini.

-- Lagi.

▼07/09/19-01MST

R GB 07-09 00132 BA810

bah

Mahathir - Biro 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak membenarkan parti-parti pembangkang menggunakan perkhidmatan biro itu kerana mereka akan hanya +mempolitikkannya+.

Beliau berkata tindakan mereka untuk memburuk-burukkan BTN melalui kenyataan-kenyataan dalam akhbar adalah untuk memburuk-burukkan kerajaan dan imej parti-parti komponen Barisan Nasional.

BTN diasaskan dalam tahun 1976 dan diletakkan di bawah Unit Belia dan Latihan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mulai tahun 1981, biro itu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai perhimpunan agung UMNO, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata sejumlah 1,750 anggota perwakilan akan menghadiri perhimpunan tiga hari itu pada 6 Nov depan.

Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita parti itu akan mengadakan perhimpunan agung masing-masing pada 5 Nov, kata beliau. -- Lagi.

▼07/09/19-23MST

bah

Mahathir - Biro 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, selain membahaskan ucapan Presiden parti, perhimpunan itu juga akan membincangkan antara lain usul-usul mengenai ekonomi dan agama.

Menurutnya sehingga ini sejumlah 1.2 juta anggota parti itu telah membayar yuran.

Presiden UMNO itu juga mengumumkan bahawa Majlis Tertinggi (MT) parti itu telah memutuskan untuk menderma sebanyak \$100,000 kepada Tabung Bosnia anjuran akhbar Utusan Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau juga telah memberi taklimat kepada MT mengenai Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali ke-10 yang berakhir di Jakarta semalam dan mengenai pertemuan beliau dengan beberapa orang pemimpin negara lain.

+Saya tidak memberi penjelasan yang panjang kerana akhbar-akhbar tempatan telah memberi liputan yang menyeluruh mengenai sidang itu,+ kata beliau lagi.

Mengenai kenyataan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S. Samy Vellu bahawa nasihat Dr Mahathir akan diminta mengenai keputusan kira-kira 8,000 kakitangan Pos Malaysia untuk menyumbang kepada pembayaran balik berkaitan dengan penyelewengan cek MIDFCCS, Perdana Menteri berkata:

+Saya nak tunggu dia tanya...dia belum tanya saya lagi, saya nak dengar apa masalahnya sebelum buat keputusan.+ -- Bernama.

▼07/09/19-41MST